

06/04/2001

Malaysia akan buka kedutaan di Prague

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia akan membuka pejabat kedutaan di Praque, Republik Czech selewat-lewatnya akhir tahun ini bagi meningkatkan hubungan kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pembukaan kedutaan itu juga diharap dapat meningkatkan lagi kerjasama kedua-dua negara dalam sektor pelancongan, pendidikan serta pelaburan.

"Tahun lalu Republik Czech membuka pejabat kedutaannya di Kuala Lumpur dan kita pula akan membuka kedutaan di negara itu selewat-lewatnya akhir tahun ini.

"Calon duta ke Republik Czech sudah dikenal pasti, tetapi kita sedang menunggu kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum dibawa ke pengetahuan Yang di-Pertuan Agong," katanya selepas menerima kunjungan hormat Timbalan Menteri Luar Republik Czech, Dr Hynek Kmonicek di Wisma Putra, hari ini. Delegasi itu turut disertai Ketua Pengarah Jabatan Asia Pasifik Kementerian Luar Republik Czech, Vaclav Hubinger.

Delegasi itu dalam rangka lawatan dua hari ke sini selepas menghadiri mesyuarat serantau Misi Ketua-Ketua Czech bagi rantau Asia di Hanoi, Vietnam.

Syed Hamid berkata, Kmonicek juga menjemput Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi ke negara itu untuk memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Dalam pertemuan itu, Kmonicek turut bercadang memilih Malaysia sebagai destinasi baru untuk mengadakan mesyuarat yang sama pada tahun depan.

Selain itu, kata Syed Hamid, negara berkenaan berminat mengadakan pertukaran pelajar serta pegawai tadbir dan diplomasi bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kedua-dua negara.

"Pertukaran ini secara tidak langsung akan memberi kebaikan kepada kedua-dua negara kerana kita boleh bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai aspek terutama dalam bidang pendidikan," katanya.

Beliau berkata, negara berkenaan turut berminat menaja pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Praque, iaitu universiti tertua di Eropah yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Dalam lawatannya, Kmonicek turut mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Datuk Dr Leo Micheal Toyad.

(END)